

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
(BAGAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28.10.2014

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status 1Malaysia Development Bhd (1MDB) yang dikritik oleh mantan Perdana Menteri. Adakah kerajaan terpaksa menanggung beban hutang RM38 bilion sekiranya bankrap kerana tiada keuntungan yang cukup untuk bayar wang faedah pun. Senaraikan punca hutangnya dan langkah pencegahan bagi menghadapi situasi berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Tiada apa-apa hutang atau bayaran faedah yang telah terakru yang perlu ditanggung oleh negara atau Kerajaan Malaysia. Hanya pinjaman bernilai RM5.8 bilion sahaja yang menerima jaminan eksplisit atau *explicit guarantee* Kerajaan Malaysia. Selain daripada itu, 1MDB tidak menerima jaminan dari Kerajaan bagi pinjaman-pinjaman yang lain.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, jumlah hutang 1MDB pada tahun berakhir 31 Mac 2013 adalah sebanyak RM36.25 bilion.

Tuan Yang Dipertua,

Sepertimana syarikat-syarikat lain yang tertakluk di bawah Akta Syarikat, 1MDB juga mempunyai liabiliti terhad, dan selain daripada pinjaman atau bon yang menerima jaminan Kerajaan, hal kewangan 1MDB tidak termasuk dalam kiraan contingent liabiliti kerajaan. Keadaan kewangan syarikat adalah tanggungjawab syarikat itu sendiri.

1MDB mempunyai rangka kerja tadbir urus yang kukuh dan ini

membolehkannya mendapat pengiktirafan antarabangsa bagi bon-bon yang diterbitkannya. Tambahan lagi, 1MDB sentiasa melakukan *due diligence* kewangan dan teknikal yang sepenuhnya sebelum membuat keputusan bagi melabur dalam sesuatu projek.

Setakat ini 1MDB tidak pernah terlepas dari memenuhi obligasi jadual pembayaran kewangannya. Kedudukan kewangan 1MDB tetap kukuh, disokong oleh aset-aset strategik yang mempunyai rekod prestasi yang terbukti di samping mempunyai peluang-peluang pertumbuhan yang utuh.